



Ruj. Kami. : KPM.600-13/14/24 Jld.8(35)  
Tarikh : 22 Mei 2018

Guru Besar  
SJK(C) Kwang Hwa  
Sungai Nibong, 11900  
Bayan Lepas, Pulau Pinang  
(u.p.: Chan Yee San)

Tuan,

**KELULUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN CATUR MSSPP 2018 (KWANG HWA PHOR TAY OPEN CHESS CHAMPIONSHIP)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat tuan SJKCKH400-1/4(02) bertarikh 14 Mei 2018 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan Bahagian ini telah meneliti kertas cadangan berkaitan dengan Program Pembangunan Catur MSSPP 2018 (*Kwang Hwa Phor Tay Open Chess Championship*) yang telah dikemukakan dan tiada halangan bagi penganjuran program tersebut. Walau bagaimanapun, pihak tuan dimohon untuk mengambil perhatian dan mematuhi peraturan yang sedang berkuatkuasa seperti berikut:

- i. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/2000  
*Keselamatan diri pelajar semasa pengajaran pendidikan jasmani dan kesihatan serta kegiatan kokurikulum dan sukan di dalam dan di luar kawasan sekolah.*
- ii. Surat Pekeliling Kewangan Bil.4/2011  
*Garis panduan pengurusan kewangan dan perakaunan Peruntukan Khas, Sekolah Berprestasi Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.*
- iii. Surat Siaran  
*Larangan pemberian cenderahati kepada tetamu kehormat (VIP) semasa perasmian majlis di Kementerian Pendidikan Malaysia*
- iv. Tatacara Pengurusan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah ;  
*Kumpulan wang SUWA (Sumbangan Wang Awam)*

**KELULUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN CATUR MSSPP 2018 (KWANG HWA PHOR TAY OPEN CHESS CHAMPIONSHIP)**

3. Sehubungan itu, tuan dimohon mengemukakan laporan impak pelaksanaan program berkenaan berserta 5 keping gambar melalui emel [kokurikulumsbt@gmail.com](mailto:kokurikulumsbt@gmail.com) dalam tempoh 14 hari selepas berakhirnya program berkaitan. Bagi tujuan ini, salinan *hardcopy* tidak diperlukan.


4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, boleh merujuk kepada Pn. Mas Yanti bt Ghazali di talian 03-83217422 atau 016-9395098

Kerjasama tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“SEHATI SEJIWA”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(SHAMSUDDIN BIN MUSTAPHA)**

Timbalan Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh  
dan Sekolah Kecemerlangan

s.k. : Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang